

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' [KOTA BHARU]

TARIKH : 8 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini permohonan Malaysia untuk membuat semakan semula keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung kes tuntutan ke atas Pedra Branca (Pulau Batu Puteh); dan**
- (b) sejauh manakah peluang Malaysia memenangi kes ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali

kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (42)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]
DARIPADA : YB. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

SOALAN :-

YB. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang wujud dalam mengatasi masalah yang berlaku begitu ketara di Sarawak di antara pemaju dengan pihak pembeli di mana rumah yang dibeli dalam keadaan yang tidak memuaskan. Apakah keberkesanan agensi kerajaan yang wujud bagi mengatasi masalah tersebut memandangkan ada aduan diterima bahawa ianya tidak membawa apa-apa penyelesaian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan Peraturan-Peraturan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penguatkuasaan dan menyelesaikan permasalahan antara pemaju dan pembeli rumah di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

Akta 118 ini tidak terpakai bagi menyelesaikan aduan dan kes-kes berkaitan perumahan di Negeri Sarawak. Kes-kes berkaitan perumahan di Sarawak adalah tertakluk di bawah Ordinan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1993 yang dipantau oleh Kementerian Perumahan Sarawak.